KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21.03.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JPSM			

Isnin, 21 Mac 2022 BH



Antara 17 pendaki ditahan ketika mendaki Gunung Nuang, kelmarin.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

17 ditahan daki Gunung Nuang tanpa permit

Bentong: Pejabat Hutan Daerah Bentong menahan 17 individu yang melakukan aktiviti mendaki Gunung Nuang dan masuk ke dalam Hutan Simpan Lentang, di sini, tanpa permit, kelmarin.

Mereka berusia 25 hingga 52 tahun, termasuk lima wanita ditahan anggota penguat kuasa ketika melakukan aktiviti mendaki dalam kawasan hutan simpan terbabit.

Pegawai Hutan Daerah Bentong, Muhamat Azman Yahya, berkata siasatan mendapati kumpulan terbabit datang dari Selangor untuk mendaki Gunung Nuang dan memberikan alasan tidak tahu perlu memohon permit untuk memasuki hutan simpan.

"Alasan berkenaan seolah-olah ini kali pertama mereka terbabit dengan aktiviti mendaki gunung, sedangkan ada dalam kalangan mereka memberitahu pernah memohon permit memasuki hutan simpan dengan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) bagi aktiviti mendaki.

"Mereka mendakwa ini kali pertama mendaki Gunung Nuang yang terletak dalam Hutan Simpan Lentang," katanya, di sini semalam, sambil memaklumkan, pihaknya membuat laporan di Balai Polis Daerah Bentong sebelum kumpulan pendaki terbabit dibebaskan dengan jaminan polis.

Muhamat Azman berkata, individu yang memasuki hutan simpan tanpa permit di negeri ini boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 atau penjara tidak tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Papan tanda amaran sudah disediakan dan tidak ada alasan untuk tidak mengetahui peraturan dapatkan permit ini.

"Penguat kuasa kami sentiasa melakukan rondaan secara berjadual di sepanjang laluan ke Gunung Nuang serta kawasan Hutan Simpan Lentang," katanya.